



*Ruj. Tuan* :  
PKPMP.PKP.600-1/4/4

*Ruj. Kami* :

11 Jun 2018

*Tarikh* :

**Pengarah Mahkamah Negeri**  
Seluruh Malaysia

**Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar**  
**Mahkamah Tinggi**  
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN AMALAN BIL. 1 TAHUN 2018**  
**PENDAFTARAN KOD KHAS BAGI KES PASCAPENGGULUNGAN SYARIKAT, KES**  
**PASCAKEBANKRAPAN DAN PERKIRAAN SUKARELA DI BAWAH AKTA**  
**SYARIKAT 2016 [AKTA 777] DAN AKTA INSOLVENSIS 1967 [AKTA 360] SERTA**  
**PENETAPAN INTITULMEN BAHARU**

YAA Ketua Hakim Negara setelah berunding dengan YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak dan selaras dengan Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi menetapkan kod pendaftaran khas dan intitulmen bagi kes yang dinyatakan di bawah.

**PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN**

2. Arahan ini hendaklah terpakai di seluruh Mahkamah Tinggi Malaya serta Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

**PENGELASAN KOD PENDAFTARAN KHAS**

3. Pendaftaran kes berikut di Mahkamah Tinggi hendaklah menggunakan kod berikut:

Jenis Kes	No. Kod	Perihal
Sivil (Dagang)	<b>28PW</b>	Kes Pascapenggulungan Syarikat  (Apa-apa permohonan selepas Perintah Penggulangan Syarikat diberikan)

Jenis Kes	No. Kod	Perihal
	<b>24PW</b>	Kes pasca di bawah s.181(2)(e) Akta Syarikat 1965 atau s.346(2)(e) Akta Syarikat 2016
	<b>28VA</b>	Kes Perkiraan Sukarela di bawah s.396 Akta Syarikat 2016
	<b>28JM</b>	Kes Pengurusan Kehakiman di bawah s.404 Akta Syarikat 2016
Sivil (Kebankrapan)	<b>29PB</b>	Kes Pascakebankrapan  (Apa-apa permohonan selepas Perintah Penerimaan dan Penghukuman diberikan)
	<b>29VA</b>	Kes Perkiraan Sukarela di bawah s.2C Akta Insolvensi 1967

4. Kes bagi kod 24PW, 28VA, 28JM dan 29VA hendaklah ditetapkan di hadapan Yang Arif Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi.

#### **INTITULMEN BAGI KES PASCAPENGGULUNGAN DI BAWAH KOD 28PW DAN 24PW**

5. Setiap kes pascapenggulungan di bawah kod 28PW dan 24PW hendaklah mengandungi intitulmen seperti yang berikut:
- (a) nombor kes asal petisyen penggulungan yang memberikan perintah penggulungan;
  - (b) peruntukan undang-undang yang menjadi asas permohonan pascapenggulungan dibuat;
  - (c) nama pemohon; dan
  - (d) nama syarikat yang digulungkan.

Contoh intitulmen adalah sebagaimana dalam **Lampiran A**.

#### **INTITULMEN KHAS BAGI KES PASCAKEBANKRAPAN DI BAWAH KOD 29PB**

6. Setiap kes pascakebankrapan di bawah kod 29PB hendaklah mengandungi intitulmen seperti yang berikut:

- (a) senarai nombor kes pascakebankrapan pernah dibuat sebelum ini;
- (b) senarai nombor kes kebankrapan yang mana penghutang penghakiman dibankrapkan;
- (c) peruntukan undang-undang yang menjadi asas kes pascakebankrapan; dan
- (d) nama pemohon.

Contoh intitulmen adalah sebagaimana dalam **Lampiran B**.

7. Buku Kausa Khas hendaklah diwujudkan dan diselenggara dengan lengkap bagi tujuan pendaftaran dan pemantauan kes.

#### **PERMULAAN KUAT KUASA**

8. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **1 Julai 2018**.

#### **PEMBATALAN ARAHAN AMALAN BIL. 2 TAHUN 2017**

9. Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2017 mengenai Kod Pendaftaran Khas bagi Kes Pascapenggulungan Syarikat dan Kes Pascakebankrapan di Mahkamah Tinggi dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

  
~~(DATO' SRI LATIFAH BINTI HAJI MOHD TAHAR)~~

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

*Salinan kepada:*

**YAA Ketua Hakim Negara**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Presiden Mahkamah Rayuan**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Malaya**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak**

Mahkamah Tinggi Kuching  
KUCHING, SARAWAK

**Peguam Negara**

Jabatan Peguam Negara Malaysia  
PUTRAJAYA

**YA Hakim-Hakim Pengurus**

bagi mahkamah-mahkamah seluruh negara

**Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia**

Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar**

**Mahkamah Tinggi Malaya**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar**

**Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**

Mahkamah Tinggi Kuching  
KUCHING, SARAWAK

**Pendaftar**

**Mahkamah Rendah Malaya**

Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Pendaftar**  
**Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**  
Mahkamah Tinggi Kuching  
KUCHING, SARAWAK

**Ketua Bahagian Guaman**  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
PUTRAJAYA

**Ketua Pengarah Insolvensi**  
Jabatan Insolvensi Malaysia  
PUTRAJAYA

**Pustakawan**  
**Pejabat Ketua Pendaftar**  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA

**Presiden**  
**Majlis Peguam Malaysia**  
KUALA LUMPUR

**Pengerusi**  
**Persatuan Undang-Undang Sabah**  
SABAH

**Pengerusi**  
**Persatuan Peguambela Sarawak**  
Bilik Peguam  
Kompleks Mahkamah Kuching  
SARAWAK

## LAMPIRAN A

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
BAHAGIAN DAGANG  
KES PASCAPENGGULUNGAN GUAMAN NO. ....<sup>\*(1)</sup>  
(Nombor kes asal petisyen penggulungan: WA-28NCC-333-05/2016<sup>\*(2)</sup>)

Dalam perkara seksyen ...<sup>\*(3)</sup> Akta Syarikat 2016

Dalam perkara XYZ Sdn Bhd<sup>\*(4)</sup> SI PEMOHON

PER: SYARIKAT ABC (DALAM PENGGULUNGAN) <sup>\*(5)</sup>  
No. Syarikat 1234-X

**(permohonan)**

Ambil perhatian bahawa Mahkamah ini akan mendengar permohonan pada .....<sup>\*(6)</sup>  
daripada XYZ Sdn Bhd <sup>\*(7)</sup> si Pemohon yang memohon di bawah seksyen .... <sup>\*(8)</sup> Akta  
Syarikat 2016 untuk .....

Nota –

- <sup>\*(1)</sup> Tinggalkan kosong, untuk pihak mahkamah berikan nombor pendaftaran baru.
- <sup>\*(2)</sup> Nyatakan nombor kes asal petisyen penggulungan yang memberikan perintah penggulungan.
- <sup>\*(3)</sup> Nyatakan peruntukan undang-undang yang menjadi asas permohonan.
- <sup>\*(4)</sup> Nyatakan nama pemohon.
- <sup>\*(5)</sup> Nyatakan nama syarikat yang digulungkan
- <sup>\*(6)</sup> Tinggalkan kosong, untuk pihak mahkamah tetapkan tarikh pendengaran.
- <sup>\*(7)</sup> Nyatakan sekali lagi nama pemohon.
- <sup>\*(8)</sup> Nyatakan sekali lagi peruntukan undang-undang yang menjadi asas permohonan.

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR**  
**KES PERMOHONAN PERKIRAAN SEMULA GUAMAN NO. ....<sup>\*(1)</sup>**  
(Nombor kes kebangkrapan yang mana penghutang penghakiman dibankrapkan:  
WA-29NCC-13-05/2018<sup>\*(2)</sup>)

Dalam perkara seksyen.... Akta Insolvensi 1967<sup>\*(3)</sup>

Dalam perkara senarai kes pascakebankrapan<sup>\*(4)</sup>

WA-29PB-12-02/2018

WA-29PB-73-03/2018

WA-29PB-55-04/2018

PER: ABC BIN OPQ<sup>\*(5)</sup>

**(permohonan)**

Ambil perhatian bahawa Mahkamah ini akan mendengar permohonan pada.....<sup>\*(6)</sup>daripada **nama**<sup>\*(7)</sup>si Pemohon yang memohon di bawah ....<sup>\*(8)</sup> Akta Insolvensi1967 untuk .....

Nota –

- <sup>\*(1)</sup>Tinggalkan kosong, untuk pihak mahkamah berikan nombor pendaftaran baru.
- <sup>\*(2)</sup>Nyatakan nombor kes kebangkrapan yang terdahulu.
- <sup>\*(3)</sup>Nyatakan peruntukan undang-undang yang menjadi asas permohonan.
- <sup>\*(4)</sup> Senarai kes pascakebankrapan yang sedia ada.
- <sup>\*(5)</sup> Nyatakan nama pemohon, jika berkaitan.
- <sup>\*(6)</sup> Tinggalkan kosong, untuk pihak mahkamah tetapkan tarikh pendengaran.
- <sup>\*(7)</sup> Nyatakan sekali lagi nama pemohon.
- <sup>\*(8)</sup>Nyatakan sekali lagi peruntukan undang-undang yang menjadi asas permohonan.